

Kepatuhan Belia Muslim Terhadap Perintah Kawalan Pergerakan Berpandukan Maqasid Syariah: Satu Kajian Rintis

Muslim Youth's Compliance with Movement Control Orders Guided by Maqasid Syariah: A Pilot Study

Zuriani Ibhrim¹, Wan Kamal Mujani², Izzah Nur Aida Zur Raffar³, Suhaila Abdul Aziz⁴, Zaleha Muda⁵

¹Fakulti Pendidikan, Kemanusian dan Sastera, Universiti Poly-Tech MARA, Kuala Lumpur, Malaysia;

² Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia;

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Alor Gajah, Malaysia;

⁴Fakulti Pendidikan, Kemanusian dan Sastera, Universiti Poly-Tech MARA, Kuala Lumpur, Malaysia;

⁵Fakulti Pendidikan, Kemanusian dan Sastera, Universiti Poly-Tech MARA, Kuala Lumpur, Malaysia

Progres Artikel

Diterima: 30 November 2021

Disemak: 30 November 2021

Diterbit: 30 November 2021

*Perhubungan Penulis:

Zuriani Ibhrim,
Fakulti Pendidikan,
Kemanusian dan Sastera,
Universiti Poly-Tech MARA,
Kuala Lumpur
Email: zuriani@kuptm.edu.my

Abstrak: Dunia seakan lumpuh apabila jangkitan kes wabak COVID-19 merekodkan peningkatan kes yang serius. Penularan tersebut telah memberi impak negatif kepada pelbagai sektor. Satu mekanisma lebih efektif perlu diambil kira dalam menjaga kemaslahatan masyarakat awam. Jangkitan kes di Malaysia masih tinggi dan belum menunjukkan penurunan dua angka atau lebih rendah. Justeru, tindakan kawalan dan pencegahan perlu diambil segera. Sekiranya diteliti dari sudut kaedah fiqh, perintah kawalan pergerakan menepati maslahah atau kebaikan demi menjaga agama dan nyawa masyarakat awam. Oleh demikian, kajian ini bertujuan mengkaji tahap kebolehpercayaan instrumen yang digunakan bagi mengenal pasti kepatuhan golongan belia Muslim mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) melalui Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menurut perspektif Islam melibatkan agama dan nyawa yang telah dikuatkuasakan oleh kerajaan Malaysia bagi membendung wabak COVID-19. Metodologi kajian adalah berbentuk kuantitatif dan seramai 70 belia Muslim di Malaysia terlibat dalam kajian rintis ini melalui data soal selidik yang diperoleh. Tahap kebolehpercayaan soal selidik ini adalah 0.833. Hasil kajian mendapati kepatuhan belia Muslim ke atas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan kerajaan Malaysia telah memberi impak yang baik dan bertepatan dengan maqasid syariah walaupun ramai dalam kalangan belia Muslim kurang memahami secara mendalam berkaitan maqasid syariah.

Kata kunci: COVID-19, Belia Muslim, Perintah Kawalan Pergerakan, Maqasid Syariah

Abstract: The world seemed paralyzed when the COVID-19 pandemic infection recorded a severe increase in cases. The outbreak has hurt various sectors. A more effective mechanism needs to be considered in safeguarding the welfare of the public. The incidence of cases in Malaysia is still high and has not shown a double-digit decline or lower. Therefore, control and preventive measures must be taken immediately. If examined from the point of view of the method of fiqh, the order to control the movement is under maslahah or goodness to protect the religion and the lives of the public. Therefore, this study aims to examine the level of reliability of the instrument used to identify the compliance of Muslim youths to comply with Standard Operating Procedures (SOP) through Movement Control Order (MCO) according to Islamic perspective involving religion and life that the Malaysian government has enforced to curb COVID-19. The research methodology is quantitative and a total of 70 Muslim youths in Malaysia were involved in this pilot study through questionnaire data obtained. The reliability level of this questionnaire is 0.833. The results of the study found that the compliance of Muslim youths on the Movement Control Order (MCO) implemented by the Malaysian government has had a good impact and coincides with the maqasid shariah although many among Muslim youths do not understand in depth the maqasid syariah.

Keywords: COVID-19, Muslim Youth, Movement Control Order, Maqasid Syariah

Pengenalan

Kes pertama *novel coronavirus* 2019 (COVID-19) di Malaysia telah disahkan pada 25 Januari 2020 melibatkan tiga warga Cina yang masuk ke Malaysia melalui Johor dari Singapura pada 23 Januari 2020 (Talha, 2020). Sebelum diberi nama COVID-19 pada 11 Februari 2020 oleh *World Health Organization* (WHO), ia dikenali sebagai *Novel Coronavirus*. Virus tersebut merupakan *Virus Families* menyebabkan pelbagai penyakit bermula jangkitan selesema hingga menjadi lebih teruk seperti *MERS-Cov* dan *SARS-Cov*. Selain itu, virus terbabit merujuk spesis baharu yang belum pernah ditemui oleh manusia (Nur et al., 2020). Kumpulan virus ini ditemui di Wuhan, China. Peringkat awal penularannya bermula pada 20 Januari 2020 kemudian mula tersebar dengan pantas di empat buah negara lain. Ekoran itu, kerajaan Malaysia telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kepada rakyat bermula 18 Mac 2020, sekaligus mengubah corak dan norma kehidupan mereka (Abdul Aziz, Mohd Sukor & Ab Razak, 2020). Manakala di Malaysia pada bulan Mac 2021 kes jangkitan COVID-19 masih tinggi dan kekal terikat dengan empat angka bagi kes harian (M.S Nasir, 2021). Oleh itu, tindakan drastik oleh kerajaan perlu diambil segera untuk mengawal wabak ini daripada terus tersebar dengan pantas. Menurut Ainul Jaria Maidin (2021) menyatakan bahawa masyarakat awam perlu mematuhi ketetapan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa terhadap undang-undang yang dikuatkuasa bagi membendung penularan COVID-19 di Malaysia. Usaha kerajaan memperkenalkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk membendung COVID-19 selari lima prinsip maqasid syariah terutama dalam memelihara nyawa masyarakat awam dan ianya sekali gus memenuhi tuntutan maqasid syariah dalam Islam (Rafidah Mat Ruzki, 2020). Selain pandangan ini turut disokong oleh Nur et al., (2020) bahawa masyarakat Islam perlu sedar tentang pemahaman mereka terhadap memelihara nyawa berpandukan kaedah fiqh yang bertepatan dengan situasi semasa yang dihimpit dengan penularan wabak COVID-19. Pada masa yang sama, pendekatan mengimbangi keperluan memelihara agama dan menjaga nyawa adalah perlu difahami secara terperinci dan tuntas oleh umat Islam agar langkah pencegahan awal boleh dilaksanakan dengan mengutamakan

keselamatan diri, keluarga dan orang awam. Ini kerana virus ini berisiko membawa kematian sekiranya tidak dikawal dan dikekang lebih awal dengan situasi semasa yang meruncing saban hari dan waktu. Oleh itu, golongan belia merupakan golongan yang berperanan besar membantu kerajaan memutuskan rantaian virus COVID-19 agar tidak tersebar lebih parah dan memudaratkan. Namun, menurut Ghazali (2018) di era ini masih ramai dalam kalangan belia Muslim kurang memahami dengan baik isu maqasid syariah menjaga agama dan nyawa. Sepatutnya sebagai generasi muda yang hebat mereka mampu membezakan baik dan buruk. Oleh itu, pandangan ini turut disokong oleh Mohd Akram Dahaman (2017) bahawa golongan belia perlu mempertimbangkan sesuatu perkara dengan baik demi menjamin kemaslahatan dan menolak sebarang keburukan. Menurut statistik Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2019, jumlah penduduk yang berumur antara 15 hingga 30 tahun dianggarkan seramai 9.2 juta yang mewakili 27.8 peratus daripada keseluruhan 32.6 juta penduduk Malaysia. Ini kerana semenjak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa 18 Mac 2020 yang lalu, antara golongan yang terjejas dalam konteks sosial, ekonomi dan norma kehidupan adalah golongan belia. Oleh itu, golongan belia merupakan kelompok yang sangat ramai dan berperanan menjaga prosedur operasi standard yang ditetapkan. Oleh itu, maqasid syariah menjadi prinsip panduan asas ke atas usaha kerajaan melawan pandemik COVID-19 di samping memastikan kesihatan rakyat terpelihara. Justeru, kajian ini meninjau kepatuhan belia Muslim terhadap sekatan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ketika berhadapan pandemik wabak COVID-19 dengan mematuhi peraturan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah diimplementasikan di Malaysia. Instrumen ini dibangunkan untuk mengukur 2 konstruk agama dan nyawa yang dibahagikan kepada 6 bahagian iaitu i) akidah; ii) ibadah; iii) akhlak); iv) kebersihan; v) kesihatan dan vi) sosial. Justeru, objektif kajian ini ialah:

1. Mengkaji kepatuhan belia Muslim terhadap Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan peranan maqasid syariah memelihara isu agama menurut konsep akidah, ibadah dan akhlak.
2. Mengkaji kepatuhan belia Muslim terhadap Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menurut maqasid syariah berkaitan isu

- memelihara nyawa yang menekankan konsep kebersihan, kesihatan.
3. Mengkaji kepatuhan belia Muslim terhadap Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menurut maqasid syariah memelihara nyawa yang menjurus isu sosial supaya menjamin kesejahteraan masyarakat awam dalam menghadapi tekanan semasa norma baharu wabak COVID-19.

Kepentingan kajian ini ialah untuk mengetengahkan pandangan Islam mengenai sekatan pergerakan sebagai salah satu langkah dalam berdepan dengan penularan wabak berbahaya ini. Pendekatan dan kaedah yang relevan perlu diaplifikasi dan diperhalusi melalui prosedur operasi standard yang menepati konsep maqasid dan prinsip utama syariah. Hasil kajian mendapati, kaedah kawalan penularan wabak yang sedang dijalankan oleh kerajaan Malaysia berserta dasar dan polisi yang dikuat kuasakan dalam menangani pandemik yang mengancam nyawa masyarakat bertepatan dengan perintah syarak. Hasil kajian selidik turut mendapati golongan belia Muslim kurang memahami isu maqasid syariah dengan baik dan mendalam, namun mereka masih patuh terhadap perintah kawalan pergerakan dengan baik sepertimana dikehendaki dalam maqasid syariah.

Kajian Literatur

Secara umumnya, penularan wabak COVID-19 di negara ini masih berada di tahap yang membimbangkan. Pelbagai inisiatif dilakukan kerajaan dalam mengekang wabak berkenaan serta memastikan bukan sahaja wabak ini dihapus segera, malah kelangsungan hidup rakyat dapat berjalan seperti biasa (Nur et al., 2020). Sekatan pergerakan merupakan salah satu langkah yang dianjurkan di dalam Islam ketika menghadapi pandemik ini (Halim et al., 2020). Oleh itu, kajian ini menyokong tindakan pihak kerajaan mengenakan sekatan pergerakan sebagai salah satu prosedur operasi standard apabila berdepan dengan pandemik seumpama ini. Imam al-Ghazali menyatakan dalam kitabnya “maqasid syariah adalah merujuk kepada matlamat syarak ke atas tanggungjawab manusia memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta” (Al-Ghazali, 1997). Konsep asal yang diketengahkan adalah memberi kebaikan (*maslahah*), memperoleh faedah (*manfa’ah*) atau terlepas daripada kemudarat (*madarrah*). Imam al-Ghazali juga menyatakan bahawa setiap yang menjamin kelangsungan lima perkara ini (menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta) dikira sebagai kebaikan (*maslahah*) dan setiap perkara yang mengancamnya dikira sebagai keburukan

(*mafsadah*) (Muin, Abdullah & Bahari, 2015). Konsep maqasid syariah terbahagi kepada tiga perkara umum iaitu pertama *al-darūriyyāt* (kepentingan utama), kedua *al-hājiyyāt* (pelengkap) dan ketiga *al-taḥsīniyyāt* (penghiasan) (Nur et al., 2020). Hal ini termasuk menyentuh pelbagai perkara yang memberi kesan terhadap kehidupan. Menurut Ibnu 'Ashur, pemeliharaan nyawa atau *hifz al-nafs* turut merujuk aspek pemeliharaan nyawa individu dan masyarakat keseluruhannya daripada terjerumus ke lembah kebinasaan. Ramai kalangan kaum muda dan golongan belia Muslim pada hari ini kurang memahami dengan tepat maqasid syariah dalam menjaga diri sendiri dan orang lain agar tidak terkena virus COVID-19. Dengan kata mudah, pelaksanaan maqasid syariah secara praktikal perlu digembung secara bersama. Oleh itu, setiap orang perlu memahami peranan masing-masing bagi memenuhi prinsip pemeliharaan agama dan nyawa yang digariskan dalam maqasid syariah (Mohd Shahrizal Nasir, 2021).

Melalui aspek agama Islam, kehidupan manusia termasuk dalam kategori undang-undang (syariah), akidah, akhlak, hubungan dengan Allah SWT dan hubungan sesama manusia. (Muin, Abdullah & Bahari, 2015). Sesiapa yang melanggar peruntukan undang-undang syarak ini dianggap melakukan jenayah dan berdosa besar (Ahmad Zaki et al., 2015: 32). Kerajaan Malaysia telah mengambil langkah drastik dalam mendepani pandemik COVID-19 terutama melarang sebarang bentuk perhimpunan awam berskala besar dan menjadi tumpuan orang ramai agar dapat menjaga penjarakan sosial (Majlis Keselamatan Negara 2020; Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020). Semasa perintah kawalan pergerakan dilaksanakan terdapat prosedur yang perlu dipatuhi untuk mengelakkan berlakunya sebarang kontak fizikal (Saiful Bahari, 2020). Hal ini termasuk aspek keagamaan yang melibatkan perintah penangguhan solat Jumaat, solat berjemaah di semua masjid dan surau setiap negeri (Rafidah Mat Ruzki, 2020). Selain itu, aktiviti-aktiviti keagamaan berbentuk kuliah, ceramah dan tahlil turut ditangguh sepanjang perintah kawalan pergerakan. Kerajaan melalui Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) telah mengeluarkan beberapa pekeliling dan garis panduan terperinci menjelaskan perkara ini termasuk kebenaran melaungkan azan oleh jawatankuasa masjid dan garis panduan proses pengebumian jenazah pesakit COVID-19 (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2020). Malahan terdapat juga beberapa jabatan agama negeri turut mengeluarkan arahan yang sama supaya membuat penangguhan program atau aktiviti di masjid. Contohnya akad nikah atau perkahwinan sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan ini. (Majlis Agama Islam Johor, 2020; Jabatan Agama Islam Selangor, 2020; Pejabat Mufti Negeri Sabah 2020). Situasi ini tidak hanya terhad kepada golongan

masyarakat Muslim sahaja, termasuk bukan Muslim menangguh program besar-besaran di gereja, kuil atau tempat ibadah lain supaya mematuhi arahan tersebut sebagai usaha menekan jangkitan COVID-19 (Halim, 2020).

Manakala dalam aspek nyawa, memelihara nyawa merupakan prinsip yang kedua terpenting mengikut urutan keutamaan untuk dijaga selepas memelihara agama. Contohnya, Islam melarang perbuatan mencampakkan diri ke arah kebinasaan sama ada membinasa diri sendiri atau manusia lain (Laman Web Rasmi Mufti Wilayah Persekutuan, 2019). Oleh itu, beberapa tindakan awal secara drastik telah diambil kerajaan bagi menjaga keselamatan dan kemaslahatan awam (Majlis Keselamatan Negara, 2020; Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020). Ini berikutan mengelak berlaku sebarang kontak rapat fizikal dan mendokong penjarakan sosial. Pada fasa pertama dan kedua perintah kawalan pergerakan, kerajaan mengambil langkah mengarahkan sekatan jalan raya ke atas perjalanan merentas daerah dan negeri (Safeek Affendy Razali, 2021) Rakyat juga perlu menjaga kebersihan, kesihatan dan mematuhi penjarakan sosial dengan radius tidak melebihi 10 kilometer bagi mereka yang berada di kawasan tempat jangkitan ke tempat jangkitan yang lain tanpa disertai orang lain (Astro Awani, 2020b). Selain itu, tindakan yang telah diambil dan diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia amat tepat dan selari dengan maqasid syariah mencegah kemudarat iaitu melaksanakan sekatan pergerakan walaupun tindakan ini agak keberatan dilakukan, namun wajar dipatuhi supaya mengelakkan kemudarat yang lebih besar berlaku. Berdasarkan kepada perbahasan di atas, jelas bahawa COVID-19 merupakan satu wabak yang berbahaya yang perlu kepada pencegahan dan rawatan (Nur et al., 2020). Islam menyarankan sesiapa yang berada di negeri atau tempat yang terkena wabak supaya kekal dan tidak meninggalkan tempat tersebut. Hal ini bertujuan mengelakkan mereka yang positif wabak atau mempunyai kontak rapat tidak bergerak ke tempat lain yang menyebabkan *mafsadah* lebih besar berlaku dan tersebar kepada orang lain (Halim, 2020). Justeru, penghujahan ini menekankan bahawa Islam mengambil serius dan menyarankan agar sesiapa sahaja tidak pergi atau memasuki tempat-tempat yang telah disahkan kawasan wabak (Halim, 2020).

Metodologi

- Sampel kajian:** Pada kebiasaannya, bilangan sampel kajian rintis tidak memerlukan jumlah sampel yang ramai. Menurut pandangan Johanson dan Brooks (2010) mencadangkan bilangan sampel minimum yang dipilih adalah seramai 30 hingga orang sahaja. Manakala Chua

jumlah (2006) bilangannya hanya 30 hingga 50 orang sudah memadai bagi melakukan kajian rintis. Kajian rintis yang dijalankan ini mengambil responen seramai 70 orang sahaja yang terdiri daripada 20 orang pelajar lelaki dan 50 perempuan dari Kolej Universiti Poly-Tech MARA Kuala Lumpur dan pelajar Universiti Teknologi MARA cawangan Melaka. Responden kajian rintis ini dipilih berdasarkan pemahaman dan kepatuhan mereka terhadap perintah kawalan pergerakan ketika pandemik COVID-19 ke atas panduan daripada maqasid syariah.

- Instrumen kajian:** Satu set soal selidik yang terdiri daripada empat bahagian digunakan untuk mengumpulkan data kajian. Bahagian A ialah soal selidik ini terdiri daripada maklumat demografi responden. Bahagian B ialah soal selidik yang mengandungi maklumat berkaitan agama iaitu akidah, ibadah dan akhlak. Bahagian C melibatkan nyawa iaitu kebersihan dan kesihatan. Manakala yang terakhir ialah bahagian D, memelihara nyawa yang melibatkan sosial. Beberapa kriteria dipilih merujuk kepada item yang mudah difahami oleh golongan belia Muslim di peringkat pengajian tinggi terhadap pemahaman berkaitan maqasid syariah melalui perintah kawalan pergerakan dan prosedur operasi standard. Hasil kebolehpercayaan tersebut, beberapa penambahbaikan dilakukan ke atas makna atau ungkapan, penambahan contoh yang sesuai serta ayat yang mudah dan ringkas bagi setiap item soal kaji selidik. Bagi menilai kesahan kandungan item soal selidik ini, kesahan item telah dinilai oleh Dr. Norshariani Abd. Rahman daripada pensyarah Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai pakar penilai terhadap kesesuaian item soal selidik yang disediakan. Oleh itu, kajian rintis ini dilakukan untuk menilai kebolehpercayaan dan ketekalan soal selidik kajian melalui nilai pekali indeks Cronbach's Alpha yang boleh diterima pakai dalam kajian sebenar.

Kebolehpercayaan Intrumen:

Kebolehpercayaan instrumen soal selidik kepatuhan belia Muslim terhadap perintah kawalan pergerakan menurut maqasid syariah melalui nilai pekali kebolehpercayaan Cronbach's Alpha seperti Jadual 1.

Skor Alpha Cronbach's	Tahap Kebolehpercayaan					
0.8 hingga 1.0	Sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi					
0.7 hingga 0.8	Baik dan boleh diterima	Nyawa (kesihatan)	4	.825	Sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi	
0.6 hingga 0.7	Boleh diterima				Sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi	
<0.6	Item perlu dibaiaki				Sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi	
<0,5	Item perlu digugurkan				Sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi	
		Nyawa (sosial)	11	.820	Sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi	
		Keseluruhan	31	.833	Sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi	

Hasil analisis mendapati nilai pekali *Cronbach's Alpha* kajian ini secara keseluruhannya 31 item dengan kebolehpercayaan sebanyak 0.833. Justeru, ini merupakan nilai kebolehpercayaan yang diterima oleh para sarjana (Mohd. Majid, 1998; Sekaran, 2003). Manakala interpretasi skor min dalam kalangan responden kajian ini dinilai berdasarkan yang dikemukakan oleh Oxford (1990). Merujuk kepatuhan PKP berlandaskan maqasid syariah dalam kalangan belia Muslim skor min antara (3.51 hingga 4.00) adalah tahap kepatuhan yang tinggi, manakala (2.51 sehingga 3.50) tahap kepatuhan sederhana dan yang terakhir (1.00 hingga 2.50) tahap kepatuhan yang rendah. Hasil keseluruhan, jadual 2 mendapati nilai pekali kebolehpercayaan yang diperoleh adalah tinggi, efektif dan konsisten bagi setiap dimensi. Hasil kajian ini mendapati bahawa kedudukan agama (akidah) telah memperoleh (.844) yang berada di kedudukan kebolehpercayaan yang sangat tinggi. Keputusan yang diperolehi secara keseluruhan ini menunjukkan instrumen berada dalam keadaan sangat baik dengan memperoleh nilai pekali kebolehpercayaan (.833) sekaligus boleh digunakan dalam penyelidikan sebenar (Bond & Fox, 2015).

Jadual 2: *Cronbach's Alpha* mengikut nilai pekali kebolehpercayaan item instrumen

Pembolehubah	Item	Nilai alpha (a)	Tahap
Agama (akidah)	5	.844	Sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi
Agama (ibadah)	4	.841	Sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi
Agama (ahklak)	1	.833	Sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi

Keputusan & Perbincangan

Bahagian ini membincangkan perkara iaitu: (1) maklumat latar belakang responden; (2) mengkaji kepatuhan belia Muslim terhadap perintah kawalan pergerakan yang dikaitkan dengan pemahaman mereka kepada maqasid syariah berhubung memelihara agama dan nyawa iaitu akidah, ibadah, akhlak, kebersihan, kesihatan dan sosial bagi menjawab objektif kajian.

- a) **Maklumat latar belakang responden:** Bahagian A membincangkan latar belakang responden yang terdiri daripada pelajar di Kolej Universiti Poly-Tech MARA Kuala Lumpur dan Universiti Teknologi MARA cawangan Melaka. Seramai 71.4 % golongan wanita dan 28.6% lelaki telah menjawab soal selidik ini berumur di antara 18 hingga 30 tahun ke atas dan ramai kalangan mereka masih menuntut di peringkat ijazah sarjana muda. Terdapat 100% adalah mereka tidak pernah dijangkiti atau positif COVID-19, namun terdapat 11.4% ahli keluarga rapat mereka didapati positif COVID-19. Selain itu, 91.4% responden bersetuju mengambil vaksin dan 8.6% menolak. Manakala 91.4% pernah mendengar perkataan maqasid syariah dan 8.6% tidak pernah mendengar. Justeru itu, terdapat dalam kalangan belia Muslim tidak memahami dengan tepat atau tidak faham langsung kepentingan maqasid syariah dalam memelihara agama dan nyawa. Hasil soal selidik mendapati 37.1% responden tidak memahami langsung tentang maqasid syariah, 38.6% kurang memahami dan 24.3% faham

maqasid syariah dengan baik.

- b) **Memelihara Agama:** Dalam bahagian B, jadual 3 mempunyai sepuluh item memelihara agama (akidah, ibadah dan akhlak) di mana menjadi satu topik penting dibincangkan dalam objektif kajian pertama. Hasil soal selidik mendapati nilai min tertinggi dalam bahagian (1) konstruk akidah item ketiga skor min tertinggi (3.52) ‘saya percaya bahawa COVID-19 hanya makhluk Allah SWT yang menyerang pelaku maksiat atau pendosa sahaja,’ Manakala skor min yang menyusut ialah (2.94) dalam item kedua yang menunjukkan min yang sederhana iaitu merujuk kepada ayat ‘saya tidak takut dijangkiti COVID-19, tetapi hanya takut pada Allah SWT.’ Seterusnya (2) konstruk ibadah pula skor min yang tertinggi ialah item keenam (3.78) merujuk kepada ‘saya perlu membawa sejadah sendiri apabila ke masjid atau surau.’ Manakala (3) konstruk akhlak mempunyai satu item sahaja iaitu menunjukkan nilai min tertinggi (3.94) merujuk ‘penyebaran berita palsu COVID-19 harus dielak agar tidak dikongsi kepada orang ramai’.

Jadual 3: Bahagian B Memelihara Agama (akidah, ibadah dan akhlak)

7	Solat jumaat perlu dilaksanakan secara berjemaah di masjid seperti biasa mengikut SOP (ibadah)	3.28	Sederhana
8	Saya tahu pengurusan jenazah akibat COVID-19 perlu mematuhi panduan SOP Kementerian Kesihatan Malaysia (ibadah).	3.55	Tinggi
9	Aktiviti keagamaan berbentuk kuliah, ceramah, tahlil atau akad nikah di masjid perlu ditangguh sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan (ibadah).	3.21	Sederhana
10	Penyebaran berita palsu berkenaan COVID-19 harus dielak agar tidak dikongsi kepada orang ramai (akhlak).	3.94	Tinggi

- c) **Memelihara Nyawa (Kebersihan):** Dalam bahagian C jadual 4, mempunyai sepuluh item memelihara nyawa (kebersihan dan kesihatan) sebagai satu topik penting dibincangkan dalam objektif kajian kedua agar mematuhi prosedur operasi standard yang ditetapkan. Hasil soal selidik mendapati bahawa nilai min tertinggi dalam bahagian (1) konstruk kebersihan bermula item satu hingga enam, skor min paling tinggi berada pada item ketiga (3.91) merujuk kepada pernyataan ‘saya sentiasa memakai pelitup muka dengan betul ketika berada di luar’ berbanding item pertama yang menunjukkan min yang sederhana (3.45) bagi pernyataan ‘saya sentiasa mencuci tangan dengan air dan sabun ketika di luar.’ Manakala (2) konstruk untuk kesihatan, bilangan item ketujuh hingga kesepuluh, skor min tertinggi berada di item kesembilan (3.51) merujuk kepada pernyataan ‘saya sentiasa minum air yang mencukupi’ berbanding bagi item kelapan dan kesepuluh memperoleh nilai min yang sama rendah (2.60) merujuk kepada pernyataan ‘saya sentiasa memesan makanan atas talian tanpa peduli khasiat makanan’ dan ‘saya sentiasa melakukan aktiviti beriadah dan bersenam ketika PKP.’

Bil	Penyataan	Nilai Min	Tahap
1	Saya bertawakal semata-mata pada takdir daripada jangkitan COVID-19 (akidah).	3.11	Sederhana
2	Saya tidak takut dijangkiti COVID-19, tetapi hanya takut pada Allah SWT (akidah).	2.94	Sederhana
3	Saya percaya COVID-19 hanya makhluk Allah yang menyerang pelaku maksiat atau dosa sahaja (akidah).	3.52	Tinggi
4	Saya sentiasa menjauhi kawasan wabak yang memudaraskan diri sendiri (akidah).	3.48	Sederhana
5	Saya perlu bersabar terhadap ujian Allah SWT dengan wabak COVID-19 (akidah).	3.44	Sederhana
6	Saya perlu membawa sejadah sendiri apabila ke masjid atau surau (ibadah).	3.78	Tinggi

Jadual 4: Bahagian C (Memelihara Nyawa-Kebersihan)

Bil	Penyataan	Nilai Min	Tahap
1	Saya sentiasa mengamalkan penjarakan sosial ketika berada di luar.	3.6 6	Tinggi
2	Saya tidak bersalaman dan bersentuhan apabila bertemu dengan saudara mara atau rakan-rakan terdekat.	3.3 9	Sederhana
3	Saya tidak membenarkan tetamu menziarahi rumah saya ketika PKP.	3.0 7	Sederhana
4	Saya tidak menziarahi rumah saudara mara atau rakan ketika PKP.	3.1 7	Sederhana
5	Saya sentiasa mengimbas QR CODE MY SEJAHTERA sebelum memasuki sesuatu premis.	3.8 3	Tinggi
6	Saya sentiasa mengimbas suhu badan sebelum memasuki sesuatu premis.	3.7 6	Tinggi
7	Saya duduk di rumah jika tiada keperluan untuk keluar.	3.6 3	Tinggi
8	Saya sentiasa mematuhi arahan Majlis Keselamatan Negara supaya tidak merentas daerah atau negeri ketika PKP.	3.6 4	Tinggi
9	Saya sentiasa patuh arahan SOP ketika makan di restoran pada musim PKP.	3.7 3	Tinggi
10	Saya mengelak berada di kawasan sesak dan sempit ketika PKP.	3.7 4	Tinggi
11	Saya mengelak bersebambang dengan jarak yang dekat seperti disarankan Kementerian Kesihatan (KKM).	3.3 9	Sederhana

- d) **Memelihara Nyawa (Sosial):** Terakhir ialah bahagian D, merujuk jadual 5 mempunyai sebelas item memelihara nyawa (sosial) sebagai satu topik penting dibincangkan dalam objektif kajian ketiga supaya mematuhi perintah kawalan pergerakan. Hasil soal selidik mendapati bahawa nilai min tertinggi dalam bahagian konstruk sosial, iaitu satu hingga kesebelas berada dalam kedudukan skor min tertinggi pada item kelima (3.83) merujuk pernyataan ‘saya sentiasa mengimbas QR CODE MY SEJAHTERA sebelum memasuki sesuatu premis’ berbanding

item ketiga yang menunjukkan min sederhana (3.07) ‘saya tidak membenarkan tetamu menziarahi rumah ketika perintah kawalan pergerakan. Manakala item enam, sepuluh, lapan, satu dan tujuh turut memperoleh skor min yang tinggi bagi memelihara nyawa (sosial).

Jadual 5: Memelihara Nyawa (Sosial)

Bil	Penyataan	Nilai Min	Tahap
1	Saya sentiasa mencuci tangan dengan air dan sabun ketika di luar.	3.45	Sederhana
2	Saya sentiasa mencuci tangan dengan cecair sanitasi apabila ketidaaan air semasa di luar.	3.62	Tinggi
3	Saya sentiasa memakai pelitup muka dengan betul ketika berada di luar.	3.91	Tinggi
4	Saya tahu menyentuh mata, hidung atau mulut dapat meningkatkan risiko jangkitan COVID-19.	3.77	Tinggi
5	Saya menukar pakaian atau mandi selepas pulang dari luar.	3.50	Sederhana
6	Saya sentiasa menjaga kebersihan diri (mandi, kuku, rambut) ketika di rumah.	3.71	Tinggi
7	Saya mengamalkan makan makanan yang sihat dan seimbang serta berkhasiat ketika di rumah musim PKP.	3.12	Sederhana
8	Saya sentiasa memesan makanan atas talian tanpa peduli khasiat makanan.	2.60	Rendah
9	Saya sentiasa minum air yang mencukupi.	3.51	Tinggi
10	Saya sentiasa melakukan aktiviti beriadah dan bersetnam ketika PKP.	2.60	Rendah

Kesimpulan

Berdasarkan kepada penghujahan di atas, Islam mengiktiraf hak asasi manusia bagi mendapatkan dan memelihara keselamatan diri, kesihatan, agama dan nyawa. Islam telah menggariskan beberapa dasar dan peraturan sebagai langkah memelihara hak-hak tersebut. Wabak merupakan salah satu perkara yang boleh

mengancam kesihatan sehingga boleh membawa kepada kematian. Ekoran daripada itu, Islam sebagai satu agama yang mempunyai modul kehidupan yang syumul telah memberikan kaedah dalam berdepan dengan bahaya wabak. Antaranya adalah melalui sekatan pergerakan termasuk kuarantin diri (Nur et al., 2020). Hal tersebut telah menarik minat pengkaji untuk meneliti semula kepatuhan prosedur operasi standard dengan perlaksanaan perintah kawalan pergerakan supaya dilaksanakan kerana amat berhubung rapat pendekatan ajaran Islam. Oleh itu pendekakan yang diambil oleh pihak pemerintah di Malaysia bagi menyekat wabak daripada terus tersebar dan membawa kemudarat kepada rakyat.

Rujukan

- Al-Quran
Hadis
- Abdul Aziz, A. rashid, Mohd Sukor, N., & Ab Razak, N. H. (2020). Wabak COVID-19 : pengurusan aspek kesihatan mental semasa norma baharu. *International Journal of Social Science Research*.
- Ahmad Zaki Abd. Latiff, Azam Hamzah, Azhar Mad Aros. 2015. Tamadun Islam dan Tamadun Akta Majlis Keselamatan Negara 2016 (Akta 776). Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Akta Polis 1967 (Akta 344).
- Bond, T. G., & Fox, C. M. (2015). Applying the Rasch Model Fundamental Measurement in the Human Sciences. (Routledge & T. & F. Group, Eds.) (Third Edit). New York & London.
- Brodeur, A., Gray, D., Islam, A. & Bhuiyan, S.J. 2020. A Literature Review of the Economics of COVID-19. IZA Discussion Paper (13411).
- Al-Bukhārī, A. A. M. I. (1992). *Sahih al-Bukhārī*. Istanbul: Dār Sahnun
- Faizal Amin Nur Yunus, Nabilah Abdul Suki, Jamil Abd Baser, Saiful Hadi Masran, M. F. M. & M. B. R. (2016). Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Kompetensi PengajarTvet Terhadap Pengajaran Teknikal Berdasarkan Pendekatan Model Rasch. 3.
- Fatwa, I. & Islam, U.S. 2020. Langkah pencegahan pandemik COVID-19 melalui perintahkawalan pergerakan: satu maslahah covid 19 pandemic prevention step through movement control order: a maslahah 1(1): 65–78.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ṭūsī. 1993. *Al-Muṣṭafā Min ‘Ilm al-Usūl*. T.tp: Dār al-Kutub al ‘Ilmiyyah
- Halim, A. A. (2020). Cabaran COVID-19 menurut perspektif Akidah dan Hadis. *Institut KajianHadis Dan Akidah*, 7(2), 1–16.
- Irwan Mohd Subri. 2016. Pencegahan Penyakit Melalui Kaedah Pelalian Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Ulum Islamiyyah*. Vol. 17, (Jun). Nilai: Penerbit USIM.
- Mohd Shahrizal Nasir. 2021. Patuhi SOP cegah COVID-19. Berita Harian Metro Online. Diambil daripada <https://www.hmetro.com.my/addin/2021/01/6663/patuhi-sop-cegahCOVID-19>. Diakses pada: 19 Januari 2021.
- Muin, M. A. A., Abdullah, S., & Bahari, A. (2015). Kepentingan Maqasid Syariah Dalam Keusahawanan Sosial Islam: Kesan Kepada Industri Halal. *Proceedings of the 2nd International Convention on Islamic Management 2015, November*, 12.
- Nur, M., Hasbollah, H., Mohd, P., Fikri, F., Omar, A., Ibrahim, I. A., Islam, U., & Sharif, S. (2020). (1) (Pdf) Sekatan Pergerakan Berdepan COVID-19 Di Malaysia: Satu Tinjauan Dari Perspektif Islam (Movement Restrictions Confronting COVID-19 in Malaysia: an Overview From Islamic Perspective
- Official Website Mufti of Federal Territory. (2019). Bayan Linnas Siri ke-189: Maqasid Syariah Dalam Perubatan. *Mufti of Federal Territory*.
- Rafidah Mat Ruzki. 2020. Maqasid syariah jadi panduan lawan COVID-19-PM. Harian Metro Online. Diambil daripada <https://www.hmetro.com.my/mymutakhir/2020/09/625556/maqasidsyariah-adipanduanlawan-covid-19>. Diakses pada: 29 September 2020.
- Safeek Affendy Razali. 2021. Larangan rentas daerah, negeri kekal elak penularan COVID-19. BeritaHarianOnline. Diambil daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/02/86861/larangan-rentas-daerah-negeri-kekalkelak-penularan-covid-19>. Diakses pada 16 Februari 2021.